



PROJEK LINTASAN KOTA HOLDINGS SDN BHD
(CO REG NO. 331374-X)




PROJEK LINTASAN DAMANSARA-SHAH ALAM SDN BHD
(CO REG NO. 941215-U)



TURNPIKE SYNERGY SDN BHD
(CO REG NO. 964307-M)

NOTIS TENDER

i. **TURNPIKE SYNERGY SDN. BHD** ingin mempelawa kontraktor yang berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja dinyatakan di bawah dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

| BIL. | NO. TENDER | TAJUK TENDER | KRITERIA | KEPERLUAN PENDAFTARAN | TAKLIMAT TENDER (WAJIB) | PEMBELIAN DOKUMEN TENDER | FI DOKUMEN | TEMPAT, TARIKH DAN MASA SERAHAN DOKUMEN TENDER |
|------|------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | TURNPIKE/ CMD/ DASH/ TD/2024.05 | PROPOSED SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF STREET LIGHTING SERVICES AT DAMANSARA-SHAH ALAM ELEVATED EXPRESSWAY (MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA) | <p>i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/ CIDB) dibawah Gred, Kategori dan Pengkhususan seperti yang ditetapkan. Kontraktor yang memiliki lesen yang sah dibenarkan menyertai tender ini.</p> <p>ii. Keutamaan diberikan kepada petender dengan pengalaman dalam kerja-kerja membekal, pemasangan dan penyelenggaraan lampu LED dan sebanding dalam tempoh LIMA (5) tahun lepas.</p> <p>iii. Mempunyai keupayaan kewangan yang baik dan kemudahan kredit yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.</p> <p>iv. Keutamaan diberikan kepada Syarikat Taraf Bumiputera.</p> | <p>CIDB G4 dan ke atas sahaja</p> <p>Kategori ME</p> <p>Pengkhususan E11 & E16 & Suruhanjaya Tenaga (ST) Kelas A <i>Nota: Sila kemukakan semua salinan asal yang sah dan salinan sijil berkaitan yang telah disahkan semasa pembelian tender</i></p> | <p>Tarikh: 12 Mac 2024 (Selasa)</p> <p>Masa: 9:00 pagi</p> <p>Melalui: Platform "MICROSOFT TEAMS" (Atas Talian)</p> <p>Petender perlu mengakses link atau mengimbas Kod QR di bawah untuk masuk ke Taklimat Tender:-</p> <p>https://rb.gy/n49j65</p>  | <p>Lokasi: TURNPIKE SYNERGY SDN. BHD. Tingkat 22, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur.</p> <p>Tarikh: 13 Mac 2024 (Rabu)</p> <p>hingga</p> <p>19 Mac 2024 (Selasa)</p> <p>Pada waktu pejabat 9.00 pagi - 12.30 tengah hari 2.30 petang - 5.00 petang</p> | <p>Harga untuk satu (1) set tender dokumen: RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)</p> <p>(Tidak akan dikembalikan) Dalam bentuk Bank Deraf atau Cek Bank sahaja</p> <p>Bayaran kepada: "TURNPIKE SYNERGY SDN. BHD."</p> | <p>Lokasi: TURNPIKE SYNERGY SDN. BHD. Tingkat 22, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur.</p> <p>Tarikh: 26 Mac 2024 (Selasa)</p> <p>Pada atau sebelum jam 12:00 tengahari (waktu tempatan)</p> <p>Tender yang dihantar lewat dari waktu tertera tidak akan dipertimbangkan.</p> |

ii. **TAKLIMAT DAN PEMBELIAN DOKUMEN TENDER**

Taklimat tender akan dijalankan seperti tertera di atas. **Kehadiran adalah WAJIB** dan setiap petender hanya dibenarkan maksima dua (2) wakil sahaja. Dokumen Tender akan hanya dijual kepada Petender yang hadir Taklimat Tender sahaja dan akan hanya di jual pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan di atas.

Dokumen Tender akan hanya dijual kepada Wakil Petender yang sah ("bona fide"). Sehubungan itu, **Surat Perwakilan Kuasa** untuk membeli Dokumen Tender hendaklah dikemukakan oleh Wakil Petender berserta salinan-salinan sah yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A) sijil-sijil pendaftaran berkaitan seperti yang dinyatakan dalam kriteria tender di atas semasa membeli dokumen tender untuk mengesahkan kelayakan Petender. Wakil Petender **TIDAK AKAN DIBENARKAN** untuk membeli Dokumen Tender tanpa mengemukakan dokumen-dokumen tersebut terlebih dahulu.

iii. **TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENYERAHAN DOKUMEN**

Dokumen Tender yang telah disempurnakan dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri/bermetri. Tajuk Tender dan Tender No. hendaklah ditulis di atas sebelah kiri sampul dan diserahkan ke PETI TENDER di **TURNPIKE SYNERGY SDN. BHD.** Tingkat 22, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur, pada atau sebelum tempoh masa yang ditetapkan seperti di dalam jadual di atas.

iv. **PROLINTAS** dan subsidiarinya tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender paling rendah, juga berhak menolak atau menerima sebarang permohonan dan membatalkan proses tender ini serta menolak semua permohonan tanpa ada sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada para petender terlibat dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh petender ketika menyediakan dan menyempurnakan Dokumen Tender ini.

v. Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai tender ini, sila e-mel ke tendersecretary@prolintas.com.my. Untuk maklumat lanjut tentang PROLINTAS Group of Companies, sila layari laman web kami di www.prolintas.com.my.